



Pelan tindak balas Koronavirus untuk pengendali dan penyewa rumah sewa bilik

Registered Accommodation Association of Victoria (RAAV) merupakan persatuan puncak industri rumah sewa bilik persendirian dalam sektor penginapan. RAAV dianggotai 130 orang pemilik dan pengendali bagi lebih 400 atau sekitar sepertiga rumah sewa bilik terdaftar dan sah di Victoria.

Rumah sewa bilik menyediakan tempat tinggal persendirian untuk berbilang penyewa, termasuk orang yang rentan kepada jangkitan, dan buat masa ini pelawat tidak dibenarkan kecuali perlu.

Para pengendali telah giat berbincang dengan para penyewa mereka untuk menerapkan amalan terbaik demi membendung penyebaran Koronavirus.

Registered Accommodation Association of Victoria (RAAV) telah menyediakan rancangan tindak balas rumah sewa bilik dengan pelbagai saranan untuk dilaksanakan oleh kedua belah pihak. Penerangan ini boleh didapati di laman web RAAV www.raav.org.au dalam bahasa Cina Ringkas, Arab, Thai, Melayu dan Vietnam. [Klik di sini untuk terjemahan rancangan tindak balas tersebut.](#)

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Manusia telah menghasilkan beberapa poster yang baik, untuk diletakkan oleh pengendali rumah sewa di bilik penyewa dan kawasan umum seperti dapur, pintu masuk dan sebagainya.

Poster ini boleh didapati daripada DHHS.

https://www.dhhs.vic.gov.au/sites/default/files/documents/202003/Reduce%20your%20risk%20of%20coronavirus_Poster.pdf

Untuk penerangan lanjut, sila hubungi Keith Stubbs, Setiausaha, *Registered Accommodation Association of Victoria (RAAV)*. Tel: 0412 008 996 atau info@raav.org.au



Pelan tindak balas Koronavirus untuk rumah sewa bilik

Pengendali rumah sewa bilik

- Letakkan poster **Department of Health and Human Services** (DHHS) Victoria di pintu masuk. Letakkan poster **Consumer Affairs Victoria** (CAV) di kawasan umum dan pintu keluar.
- Letakkan poster **Consumer Affairs Victoria** (CAV) di kawasan umum
- Poster boleh didapati daripada DHHS melalui pautan berikut:
https://www.dhhs.vic.gov.au/sites/default/files/documents/202003/Reduce%20your%20risk%20of%20coronavirus_Poster.pdf
- Letakkan poster **Consumer Affairs Victoria** (CAV) di kawasan umum
- Dapatkan penerangan penting yang tertera pada laman web Kerajaan tentang peraturan yang disarankan dan bantuan kewangan yang disediakan
- Kerap berikan penerangan kepada penyewa, secara langsung ataupun kenyataan
- Hadkan atau jangan benarkan pelawat ke rumah sewa bilik
- Pembersihan perlu lebih kerap dilakukan, terutama di tandas dan bilik mandi
- Pemegang pintu dan kemudahan dapur perlu disanitasi
- Penyewa boleh diingatkan bahawa mereka dapat kurangkan risiko dengan mengurangkan penggunaan dadah (asap dapat menjejaskan pernafasan dan berkongsi jarum dapat menyebarkan virus)
- Bekerjasama dengan para penyewa untuk:
 - Menyusun pelan kuarantin / pengasingan premis
 - Menggalakkan pemberitahuan awal jika penyewa disyaki / disahkan dijangkiti atau menjalani ujian
 - Melaksanakan pelan kuarantin / pengasingan untuk kes yang disyaki / disahkan termasuk bilik mandi berasingan
- Lebih dahulu kenal pasti siapa yang akan membelah dan mencuci pakaian sekiranya jangkitan berlaku

Penghuni rumah sewa bilik

Apakah yang penyewa patut lakukan pada pendapat anda

- Penyewa mesti simpan sabun di bilik supaya kerap mencuci tangan setelah pulang dari luar, umum atau tandas
- Lebih dahulu kenal pasti siapa yang akan membelah dan mencuci pakaian sekiranya jangkitan berlaku
- Patuhi permintaan Kerajaan Persekutuan dan Victoria tentang jarak sosial 4 meter persegi (2m x 2m)
- Elakkan lokasi yang sesak jika dapat
- Patuhi larangan mengadakan pesta atau acara sosial berkumpulan
- Patuhi peraturan tidak lebih daripada 2 orang dalam satu kumpulan
- Jangan terima tetamu kerana, jika semua penyewa menentang, kadar jangkitan mungkin berganda
- Asingkan diri seberapa dapat di bilik masing-masing
- Bekerjasama dengan pengendali dan penyewa lain untuk melaksanakan pelan kuarantin / pengasingan premis
- Demi kesihatan dan keselamatan anda sendiri:
 - Kurangkan ke paras minimum jangka masa di kawasan umum termasuk bilik mandi dan dapur
 - Sekiranya dapur sedang digunakan, jangan masuk sehingga selesai digunakan dan dibersihkan demi mengurangkan risiko
 - Lakukan sanitasi bilik mandi dan dapur sebelum dan sesudah digunakan demi mengurangkan risiko jangkitan
- Semua penyewa perlu meningkatkan kebersihan diri masing-masing demi mengelakkan penularan virus



Permintaan maklumat pelawat – rumah sewa bilik – COVID-19

Jika ada urusan penting, pelawat diminta memberikan maklumat berikut 24 jam sebelum datang, demi keselamatan para penyewa. Sejalan dengan peraturan jarak sosial, hanya seorang yang boleh dibenarkan datang. Layari di sini untuk pautan ke

- Sudahkah anda menjalani latihan kawalan jangkitan COVID-19 Jabatan Kesihatan? Latihan ini wajib diikuti hingga tamat sebelum datang. Salinan perakuan tamat latihan perlu diberikan sebagai pengesahan. Layari di sini untuk pautan ke latihan kawalan jangkitan.
- Adakah mana-mana perkara berikut berlaku bagi diri anda:
 - adakah anda baharu tiba di Australia dari tempat di luar Australia dalam tempoh 14 hari sebelum lawatan ini; atau
 - adakah anda tahu sama ada telah bertembung dengan orang yang disahkan dijangkiti koronavirus (COVID-19) dalam masa 14 hari sebelum lawatan ini; atau
 - adakah suhu badan anda melebihi 37.5 darjah atau ada gejala jangkitan pernafasan akut; atau
 - adakah anda menunjukkan apa-apa tanda penyakit dalam masa 48 jam sebelum lawatan ini?
- Apakah Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang akan dipakai oleh anda demi mengelakkan risiko kesihatan kepada para penyewa? Sekurang-kurangnya, anda patut memakai topeng muka dan sarung tangan serta menggunakan sanitiser sebelum masuk serta sebelum dan sesudah menyentuh apa sahaja permukaan, susur tangan, pemegang pintu dan sebagainya.
- Adakah anda akan sanitasi permukaan selepas lawatan? Jika tidak, pastikan anda jejak semua permukaan yang disentuh semasa lawatan dan beritahu pengendali rumah sewa dengan segera, supaya sanitasi dapat dilakukan.
- Berapa lama dijangka anda berada di sini? Sila nyatakan jam berapa anda dijangka tiba dan berapa lama dijangka berada di sini, supaya para penyewa dapat dinasihatkan duduk di bilik masing-masing.
- Adakah anda perlu bercakap atau berinteraksi dengan para penyewa semasa berada di sini? Jika ya, nyatakan berapa orang yang ingin ditemui, apa tujuannya, di mana perbualan / interaksi akan dilakukan, dan langkah-langkah yang akan diambil demi keselamatan mereka. Anda bertanggungjawab untuk menyediakan PPE yang wajar jika diminta oleh para penyewa.

Semasa lawatan anda:

- Sanitasi tangan sebelum dan selepas memakai PPE.
- Jangan makan, minum atau sentuh wajah anda semasa lawatan.
- Jaga jarak sosial sepanjang masa, termasuk jarak 1.5 meter dengan setiap orang lain dan tidak lebih daripada seorang setiap 4 meter persegi.
- Sediakan PPE untuk setiap penyewa yang berinteraksi dengan anda, jika diminta.
- Simpan senarai semua permukaan yang disentuh supaya dapat dilakukan sanitasi.
- Bawa pergi semua PPE yang sudah digunakan dan buang dengan sewajarnya.

Selepas lawatan anda:

- Beritahu pengendali semua permukaan yang disentuh semasa lawatan anda.
- Serta merta beritahu pengendali sekiranya mengalami suhu tinggi atau gejala lain dalam masa 48 jam selepas lawatan supaya para penyewa dapat dimaklumkan.